

Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>EPISOD 32</p> <p>KESAN TAURAT TERHADAP SEJARAH MANUSIA</p> <p>SUARA: TERNYATA PERBEZAAN TAURAT DAN SUMBER-SUMBER SEJARAH LAIN TENTANG ASAL USUL ANAK-ANAK DAN CUCU CICIK KETURUNAN NUH A.S. TELAH MENJADI TOPIK PERBINCANGAN YANG HANGAT. KISAH-KISAH KETURUNAN QAHTAN, JOKTAN ATAU YAKTON MENJADI FOKUS PERBINCANGAN APABILA TAURAT MENYEBUT BAHAWA NAMA-NAMA INI MERUPAKAN NAMA SEORANG LELAKI YANG BERLAINAN SEBUTANNYA. INI KEMUNGKINAN</p>	<p>VISUAL GAMBAR JAWAD ALI DAN BUKUNYA</p> <p>المفصل في تاريخ العرب قبل الإسلام</p>

DISEBABKAN CARA DIALEK
PENYAMPAIAN SESEORANG
PERAWI ITU
MENAMAKANNYA. LELAKI
INI MERUPAKAN ANAK
KEPADA AABIR BIN SHALIK
YANG MERUPAKAN CUCU
KEPADA ARFAKSHAD ANAK
KE TIGA SAM BIN NUH.
KENAPA NAMA DAN
KETURUNAN LELAKI INI
PENTING DALAM SEJARAH
KENABIAN DAN JUSTERU
ITU PEMBUKTIAN TENTANG
PEMILIKKAN PALESTIN ITU
SENDIRI? INI KERANA NAMA
AABIR INI TELAH
MENDATANGKAN
PERTIKAIAN DI KALANGAN
AHLI SEJARAH. ADA YANG
BERPENDAPAT PERKATAAN
IBRI (عبري) BERASAL DARI
AABIR, TAPI MENURUT
PANDANGAN YANG KUAT
IBRI INI BERMAKSUD
PERPINDAHAN DARI SATU
TEMPAT KE TEMPAT YANG
LAIN. SEBELUM MEREKA KE
PALESTIN DAN MENETAP DI
SANA.

MANAKALA PERKATAAN
ARAB , TAURAT TIDAK
PERNAH MENYEBUTNYA
DALAM JADUAL NASAB
KETURUNAN TAPI TELAH
MENYEBUT NYA SEBAGAI
PENDUDUK PADANG PASIR
YANG MEMPUNYAI
RANGKAIAN HUBUNGAN
YANG CUKUP KUAT DAN
BERPENGARUH
SEBAGAIMANA DISEBUT
OLEH PROF. DR. JAWAD ALI
DALAM BUKUNYA *المفصل في*
تاريخ العرب قبل الإسلام
JILID 1 MS
629
"لها علاقة بالبادية والتبدي والأعرابية"

INI BERMAKNA ARAB INI
TIDAK MEWAKILI MAKNA
KAUM TERTENTU BAHKAN
IA BERMAKSUD
KAUM YANG HIDUP SECARA
KEKAL DI PADANG PASIR.
JIKA BEGITU SEPATUTNYA
PERKATAAN ARAB INI
DILETAK DI DALAM NASAB
KETURUNAN MENGIKUT
PROFESSOR INI LAGI!

KECUALI JIKA IA BERMAKSUD KESELURUHAN MASYAKAT PADANG PASIR ITU ADALAH ARAB SAMADA BERPANGKAT ATAU TIDAK. JUSTERU ITU HUBUNGAN ARAB DAN IBRANI INI ADALAH KUAT DAN BERPANJANGAN KERANA IBRANI INI BERASAL DARI KAUM YANG BERPINDAH RANDAH. BEGITU JUGA SUDAH MENJADI TABIAT ORANG-ORANG IBRANI MENAMAKAN ARAB KEPADA GOLONGAN YANG MEREKA TIDAK KENALI ATAU BADWI YANG BUKAN DARI KAUM MEREKA. BUKTI HUBUNGAN ANTARA IBRANI DAN ARAB INI KUKUH TELAH DIRAKAMKAN DI DALAM TAURAT SEBAGAIMANA DISEBUT OLEH HASTING DALAM *THE DICTIONARY OF BIBLE* P. 3, KETIKA ZAMAN KERAJAAN NABI DAUD, BELIAU MERUPAKAN SEORANG YANG DIHORMATI DAN

VISUAL GAMBAR HASTING DAN *THE DICTIONARY OF BIBLE* P.

<p>DIKAGUMI OLEH RAKYATNYA, SUATU HARI SEORANG LELAKI YANG BERNAMA أبيل BERBANGSA ARAB BERASAL DARI TIH (YAHUDA). DAUD MEMANGGIL NAMA LELAKI INI SEBAGAI أوبيل الإسماعيلي. (أخبار الأيام الأول، الاصحاح 27، الآية 30)</p> <p>NAMUN BERLAINAN SEKALI PANDANGAN ORIENTALIST YANG MELIHAT IBRANI INI KAUM ASAL PADANG PASIR JAZIRAH.</p> <p>BAGI PROF JAWAD ALI, ARAB DAN IBRANI INI JIKA DIPERHALUSI MAKSUD TAURAT KEDUA-DUANYA BERASAL DARI KETURUNAN YANG SAMA IAITU DARI SAM BIN NUH. BELIAU BERPENDAPAT LAGI BAHAWA PERKATAAN QAHTANIYYUN ATAU YAKTONIYYUN ADALAH BANI ISRAEL. INI KERANA KAUM YAKTONIYYUN</p>	<p>3</p> <p>VISUAL ORIENTALIST MONTGOMERY DAN BUKUNYA ARABIA</p>
--	--

BERASAL DARI ANAK-ANAK YAKTON BIN ABIR BIN SHALIKH BIN ARFAKSHAD BIN SAM. MAKA INILAH UMAT BANGSA ISRAEL YANG PALING AWAL YANG TERCATAT DALAM TAURAT SEBELUM NABI ISHAK DAN YAAKUB. SELAIN ITU TAURAT JUGA MELETAKKAN ANAK-ANAK KURSYUN YANG TERDIRI DARI SERPIHAN BANGSA ARAB YANG LAIN MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN BANGSA IBRANI DAN YAHUDI DI PALESTIN SEHINGGAKAN URUSAN PENTADBIRAN PALESTIN ITU SENDIRI TERUTAMANYA BAGI MEREKA YANG MENETAP DI TIMUR DAN SELATAN PALESTIN SEPERTI DI TUR SINA, GAZA DAN BAITUL AL-MAQDIS.

SELAIN ITU KESAN TAURAT TERHADAP SYAIR-SYAIR JAHILI YANG CUBA

التكوين الاصحاح العاشر، الآية 20 وما بعد.
VISUAL

DITERJEMAHKAN OLEH
UMAYYAH BIN ABI SALT
YANG TELAH
MENTERJEMAHKAN
BAHASA TAURAT KE
BAHASA ARAB, YANG MANA
BELIAU JUGA TELAH
MENGAMBIL KIRA
PANDANGAN DARI SUMBER-
SUMBER YAHUDI, NASRANI
DAN AHLI-AHLI SEJARAH
TELAH MEMBERI KESAN
YANG BESAR KEPADA
MAKLUMAT SEJARAH UMAT
MANUSIA YANG
TERDAHULU. SEBAGAI
CONTOH SYAIRNYA
TENTANG KISAH TAUFAN
NABI NUH YANG TERDAPAT
DALAM SAFAR YANG KE
ENAM KEMUDIAN DITULIS
SEMULA DI DALAM TAKWIN
AS-SAPAR (تكوين السفر) DI
DALAM BIBLE. JIKA DILIHAT
SYAIR UMAYYAH INI
MENYERUPAI SYAIR ABU
BASIR MAIMUM BIN QAIS
(الأعشى) INI BERMAKNA
PENCERITAAN UMAYYAH
INI TEPAT. CONTOH SYAIR

VISUAL KITAB الاكليل
OLEH AL-HAMDANI
JUZUK 1 MUKA SURAT
52.

: الأعرشى

ونادى ابنه نوح وكان بمعزل * ألا اركب
معنى واترك مصاحبة الكبر
سأوي نحو أعيط مشرف * بطول شنان
السماء ذي مسلك وعر

CONTOH SYAIR UMAYYAH:

ونجا لنوح في السفينة أهله * ملاحكة الألواح
معطوفة الدسر
فلما استوت من أربعين تجرمت * تناهت
على الجودي أرست فما تجري

SELAIN ITU NAMA-NAMA
ANAK NUH YANG TERDAPAT
DI DALAM TAURAT IAITU

عيلام، أشور، أرفخشذ، لود، أرام

BERBEZA DENGAN NAMA-
NAMA YANG DI PERSETUJUI
OLEH AHLI SEJARAH IAITU

أشود، أرفخشذ، عليم (عويلم) (عليم)، لاوذ
وأرم، عابر.

ADAPUN ABIR MENGIKUT
TAURAT ADALAH CUCU
KEPADA ARFAKSHAD.

ADAPUN NAMA ARAM
DALAM TAURAT DISEBUT
IRAM OLEH AHLI-AHLI
SEJARAH, MEREKA
BERPENDAPAT BAHAWA
ANAK-ANAK IRAM ADALAH

.عاد، عييل، جائر، ثمود، جديس

MEREKA ADALAH BANGSA ARAB YANG BERCAKAP ARAB MENGGUNAKAN BAHASA ARAB FUSHAH ATAU BAHASA AL-QURAN/ اللسان المضري. ADAPUN TAURAT DAN KITAB-KITAB YAHUDI TIDAK PERNAH MENYEBUT NAMA ANAK-ANAK IRAM YANG DIKEMUKAKAN OLEH AHLI-AHLI SEJARAH IAITU عوص، غائر، جائر.

SIAPAKAH KAUM عوص INI? MEREKA ADALAH PENDUDUK YANG MENDIAMI PERKAMPUNGAN NABI AYUB (LIHAT قاموس الكتاب المقدس 126/2) . JIKA KENYATAAN INI BENAR MAKA TIDAK SYAK LAGI BAHAWA NABI AYUB INI ARAB. PERSOALANNYA PARA AHLI SEJARAH TIDAK SEPENDAPAT MENGENAI PERKAMPUNGAN KAUM عوص INI ADA YANG MENGATAKAN DAMSYIQ ATAU FURAT ATAU NAJD

ATAU ADUMA ATAU
MADINAH ATAU DI
KAWASAN TERPENCIL DI
SYRIA.

PROF. JAWAD ALI MELIHAT
PARA AHLI SEJARAH TELAH
MENGHUBUNGKAN NASAB
ARAB BAIDAH (العرب البائدة)
IAITU KAUM ARAMIYYAH
(الاراميون) PERTAMA DENGAN
KAUM LUDIN (اللاوذيين)
DENGAN KAUM AUS
(العوصيون) DAN KAUM AL-
JASIRIYYINA (الغاثريون/الجاثريون).
INI JELAS SEKALI TERDAPAT
KEHIDUPAN ARAB YANG
TERAWAL SEBELUM القحطانيون
DAN العدنانيون. PARA AHLI
SEJARAH SEKALI LAGI
TELAH MEMBUKTIKAN
BAHAWA KETURUNAN
TERAWAL MEREKA INI
APABILA TELAH
MENASABKAN BANGSA
ARAB INI DENGAN لود DAN
أرام KEDUA-DUANYA
ADALAH ANAK KEPADA
SAM BIN NUH. MANAKALA
عوص DAN جاثر KEDUA-

VISUAL BUKU JAWAD
ALI MS 419-421

المفصل في تاريخ العرب قبل
الإسلام

DUANYA ADALAH ANAK ARAM YANG MERUPAKAN ANAK KELIMA SAM BIN NUH. YANG MANA MEREKA INI TERDAHULU DARI QAHTAN ATAU YAKTON ATAU ADNAN.

ADAPUN KESAN TAURAT DAN PENDAPAT PARA AHLI SEJARAH HANYA BERTEMU DI PERINGKAT KEDUA SAHAJA IAITU DIPERINGKAT ARAB ARIBAH DAN ARAB QAHTAN YANG DISEBUT DI DALAM TAURAT YAKTON. SEBAGAIMANA DISEBUT DI DALAM TAURAT YAKTON BIN AABIR BIN SHALIKH/FALIKH BIN ARFAKSHAD BIN SAM BIN NUH.

PROF. JAWAD ALI BERPENDAPAT BAHAWA AHLI SEJARAH TELAH MEMBUAT KESIMPULAN ABIR DAN SHALIKH/FALIKH NI ADALAH ADIK BERADIK DI MANA ABIR ADALAH

VISUAL KITAB TABARI
DAR AL-MA`ARIF 1/207.

VISUAL KITAB TAURAT

YANG PALING BONGSU DAN SHALIKH/FALIKH MERUPAKAN ANAK YANG SULUNG. ADAPUN العبرانيون DAN اليقطينيون MERUPAKAN ANAK-ANAK KEPADA BAPA SAUDARA ATAU PAKCIK-PAKCIK MEREKA ATAU SEPUPU.

MANAKALA BERBEZA PULA KAJIAN DI DALAM TAURAT YANG TELAH MEMBAHAGIKAN ANAK-ANAK AABIR INI KEPADA ZURIAT SHALIKH/FALIKH INI ASAL USUL العبرانيون YANG MENETAP DI KAWASAN MESOPOTAMIA, MANAKALA GOLONGAN KEDUA PULA ADALAH GOLONGAN YANG TELAH MENINGGALKAN MESOPOTAMIA KEMUDIAN DATANG SEMULA BERHIJRAH KE JAZIRAH AL-ARAB MEREKA INI DIKENALI SEBAGAI YAKTON. INI BERMAKNA BUMI JAZIRAH SUDAH DIBAHAGI-BAHAGIKAN OLEH TAURAT JIKA BERDASARKAN

VISUAL KITAB BIBLE

KENYATAAN INI.

BERLAINAN PULA
KENYATAAN DI DALAM
TABARI YANG
MENGATAKAN BAHAWA
BANI YAKTON INI
ADALAH PENDUDUK ASAL
YAMAN, SUMBER INI
DIPEROLEHI TABARI DARI
IBN HISYAM YANG
SEMEMANGNYA MAKLUM
BAHAWA IBN HISYAM
SENTIASA BERSANDARKAN
MAKLUMAT DARI AHLI
KITAB.

JADI TERDAPAT
PANDANGAN YANG TAK
SEHALUAN DI ANTARA
MAKLUMAT YANG
TERDAPAT DI DALAM
TAURAT DAN PANDANGAN
PARA AHLI SEJARAH SERTA
AHLI KITAB ITU SENDIRI.
KENAPA INI TERJADI, INI
KEMUNGKINAN – TANPA
PRAJUDIS- MAKLUMAT DI
DALAM KITAB TAURAT INI
TELAH DIUBAH DAN

MAKLUM MENGETAHUI
BAHAWA BIBLE BANYAK
BERGANTUNG KEPADA
MAKLUMAT TAURAT ITU
SENDIRI. WALAUPUN INI
HANYALAH SEBAHAGIAN
KECIL CERITA YANG
DIPETIK DARI TAURAT
SUDAH TERDAPAT
PERTIKAIAN DI KALANGAN
AHLI SEJARAH DAN AHLI
KITAB TENTANGNYA.